

Rumah Pam Penggalak akan dibina atasi masalah bekalan air di Maran



17/02/2022 07:04 PM

KUALA LUMPUR, 17 Feb -- Sebuah Rumah Pam Penggalak akan dibina di tapak Tangki Batu 7 bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air dan masalah tekanan air rendah di Pekan Awah di daerah Maran, Pahang.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dalam kenyataan hari ini memaklumkan cadangan itu dikemukakan menerusi perbincangan lanjut bersama Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP).

"Ia akan membolehkan bekalan air dipam ke Tangki Perkhidmatan Pekan Awah sebelum dibekalkan kepada pengguna," menurut kenyataan itu.

Bagaimanapun menurutnya tapak berkenaan adalah di bawah pemilikan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RIDSA) dan menurut SPAN cadangan itu hanya akan dapat dilaksanakan setelah mendapat kebenaran pemilik tanah.

Sementara itu SPAN berkata masalah dihadapi 1,400 akaun pengguna yang menerima bekalan air dari Loji Rawatan Air (LRA) Seberang Temerloh itu berpunca daripada masalah fasiliti.

"Selain itu, bentuk muka bumi iaitu kawasan tinggi turut menyukarkan usaha pembekalan dengan tekanan air sewajarnya," menurut kenyataan itu.

Pada masa sama sebagai badan kawal selia industri perkhidmatan air, SPAN berkata ia telah membantu PAIP memperoleh peruntukan daripada kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan bagi mengatasi masalah bekalan air.

"Hasilnya sejumlah RM20.24 juta telah diluluskan untuk PAIP melaksanakan kerja membaik pulih fasiliti bekalan air termasuk cadangan penambahbaikan sistem bekalan air di Pekan Awah. Anggaran kos pemulihan dan pembinaan rumah pam ini bernilai RM3 juta dan sekiranya berjalan lancar, projek ini dijangka siap tahun ini," menurut kenyataan itu.

SPAN mengeluarkan kenyataan itu bagi merujuk kepada laporan disiarkan sebuah akhbar tempatan semalam berhubung isu bekalan air di kawasan berkenaan.

-- BERNAMA
